

24 MAR 1998

HEWLETT PACKARD YAKIN MSC TIDAK TERJEJAS OLEH KRISIS EKONOMI

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Hewlett Packard, firma teknologi maklumat terkemuka yang berpangkalan di AS, yakin projek Koridor Raya Multimedia (MSC) tidak akan terjejas oleh krisis ekonomi serantau ketika ini, kata pengerusi dan ketua pegawai eksekutif syarikat Lewis E. Platt.

Platt, seorang daripada anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) bagi MSC, berkata daripada segi perbelanjaan kerajaan, projek itu telah lengkap dan kini bergantung kepada sektor swasta untuk melaksanakan yang selebihnya.

"Saya rasa berita baik adalah MSC tidak akan terjejas oleh krisis ekonomi ketika ini," katanya kepada para pemberita selepas mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Beliau menyatakan berpuas hati dengan usaha-usaha kerajaan untuk menangani masalah ekonomi dan mata wang.

Hewlett Packard mempunyai dua syarikat yang beroperasi dalam MSC, kawasan seluas 750 kilometer persegi di selatan Kuala Lumpur yang dibina untuk berfungsi sebagai pusat kegiatan bagi pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia di negara ini.

Syarikat pertama Hewlett Packard di dalam MSC terbabit dalam pengurusan dan pembangunan operasi manakala syarikat kedua bergiat dalam aktiviti perisian.

Bagi syarikat kedua, beliau berkata : "Kami menimbang untuk mengembangkan aktiviti perisian bagi multimedia Internet dan perkara-perkara yang berkaitan."

Mengenai pertemuannya dengan Perdana Menteri, Platt berkata mereka berbincang mengenai MSC secara umum serta kemajuannya dan isu-isu yang diperbincangkan ketika mesyuarat Kedua IAP yang diadakan di Cyberjaya bulan lalu, di mana beliau tidak dapat menghadirinya.

Sebagai tambahan, mereka juga membincangkan untuk membawa program nasihat Internet Hewlett Packard yang dipanggil "E-mentoring" di mana kakitangan syarikat akan memberi nasihat dan panduan kepada golongan remaja yang berminat dalam teknologi maklumat menerusi Internet.

Program itu, yang bermula empat tahun lalu, telah berjaya menarik 1,500 kaki tangan Hewlett Packard seluruh dunia bagi kerja-kerja asas sukarela.

"Dengan kira-kira 300 kakitangan di Kuala Lumpur beberapa ribu yang lain di Pulau Pinang, kami mempunyai peluang untuk mengadakan program nasihat besar-besaran di sini," jelas Platt. -- BERNAMA

AD ZK OS